

02 NOV 2002

Mahathir-Deepavali

KURANG CAMPUR GAUL ANTARA KAUM TIDAK SIHAT, KATA DR M

KUALA LUMPUR, Nov 2 (Bernama) -- Kelonggaran dalam perhubungan antara kaum terutama sekali di kalangan golongan muda adalah tidak sihat bagi masa depan negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malaysia tidak akan maju jika rakyat tiada perpaduan dan persefahaman. Demi kepentingan negara, kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pergaulan antara kaum, terutama sekali di kalangan golongan muda untuk meningkatkan keharmonian rakyat," katanya.

Beliau berkata kebelakangan ini kerajaan sedar tentang wujudnya kelonggaran di dalam perhubungan antara kaum terutama sekali di kalangan golongan muda dengan mereka lebih cenderung bercampur di antara kaum masing-masing sahaja.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu membina satu masyarakat yang mampu hidup bersama, bekerja dan bermain bersama kerana "inilah yang menjadi asas kepada kejayaan Malaysia.

"Kita tidak boleh selesa dengan kejayaan kita. Sebaliknya kita harus terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi," katanya dalam perutusan Deepavali.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam, kerajaan tidak mengabaikan kaum lain di mana hak untuk mengamalkan agama dan budaya anutan mereka dijamin oleh Perlembagaan negara.

"Sebenarnya jaminan ini secocok dengan ajaran Islam. Kaum minoriti di negara ini tidak perlu berasa terancam ataupun takut akan kehilangan identiti mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia terdiri daripada kaum-kaum yang berbeza-beza, yang mengamalkan agama, bahasa dan budaya yang berlainan, semangat perpaduan dan kerjasama yang diamalkan sesama rakyat telah membawa bangsa dan negara ke arah keamanan dan kesejahteraan.

"Perbezaan antara kita menjadikan kita satu masyarakat yang kaya dengan budaya. Perbezaan ini juga menjadi faktor penyatu yang dikagumi masyarakat luar negara," katanya.

Sempena Deepavali yang diraikan oleh penganut agama Hindu untuk menandakan kemenangan melawan kejahatan, beliau berharap rakyat memperkuatkan azam untuk meningkatkan usaha mencapai keharmonian dan perpaduan antara kaum.

"Kita telah berusaha dengan gigih sepanjang negara kita merdeka dan telah melihat hasil kejayaan kita membangunkan negara dan memakmurkan rakyat secara adil dan saksama.

"Marilah kita mengambil iktibar dan menghargai nikmat kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia yang bertuah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata rakyat harus mengekalkan tradisi dan budaya sebagai rakyat Malaysia dengan mengadakan rumah-rumah terbuka bagi mengeratkan lagi hubungan sesama rakyat.

-- BERNAMA

SR AZZ RHM